

Hijrah minda atas media sosial

SULUH WAHYU



Oleh
**Abdullah Bukhari
Abdul Rahim al-Hafiz**

“HIJRAH minda dalam media sosial perlu dinamik seiring kepesatan perkembangan teknologi moden yang banyak merubah struktur akhlak dan sosial manusia. Jangan sampai hidup kita dijajah berbagai platform media sosial atau peranti moden sehingga menjerumuskan kita ke dalam kancuh dosa halimunan yang tidak ketahuan.”

Semangat hijrah sangat penting bagi umat Islam kerana nasib umat Islam pada zaman Nabi berubah mendadak sejurus hijrah fizikal berlaku. Jika Nabi SAW tidak diarahkan berhijrah dahulu, mungkin nikmat Islam tidak dapat kita kecapi pada hari ini.

Ini kerana pihak Musyrikin Quraisy sudah tekad niatnya menguburkan Islam tanpa nisan sebagaimana firman Allah bermaksud: *Dan ingatlah (wahai Muhammad), ketika orang kafir (Musyrikin Mekah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu, atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya.* (al-Anfal: 30)

Selepas hampir 1,500 tahun peristiwa hijrah fizikal Rasulullah SAW, kini umat Islam moden menghadapi cabaran baharu yang menuntut turut melakukan hijrah minda dan jiwa. Hijrah jenis ini akan sentiasa relevan hingga kiamat.

Ia sebagaimana Sabda Nabi SAW bermaksud: *Muslim sebenar adalah orang yang (menjaga diri agar) Muslim lain terselamat daripada kejahatan lidah dan tangannya. Orang yang berhijrah pula adalah orang yang meninggalkan apa yang Allah larang.* (Sahih al-Bukhari, 6003).

Pernah juga seorang lelaki bertanya perkara sama kepada



UMAT Islam kini perlu melakukan hijrah minda dalam berhadapan cabaran tanpa sempadan terutama dalam media sosial. - GAMBAR HIASAN

Rasulullah SAW bermaksud: *“Wahai Rasulullah, apa bentuk hijrah paling baik?” Baginda menjawab: “Meninggalkan apa yang dibenci Tuhanmu”.* (Musnad Ahmad, 6199)

Dewasa ini kita lihat terkaman ombak ganas media sosial telah menghenyak umat Islam sehingga sesetengah mereka hilang arah dan keliru membezakan antara baik buruk serta dosa pahala dalam kegiatan seharian.

Di alam nyata, mereka mungkin marah jika ada yang mengumpat, menghina, mengejek dan mengaib orang lain, namun dalam media sosial semua dosa itu seolah-olah menjadi halal.

Bahkan ada yang tegar mempertahankan tindakan mereka mengumpat, berkongsi aib dan mencetus hinaan kepada orang lain dalam media sosial atas pelbagai alasan seperti untuk pengajaran dan iktibar pengguna media sosial yang lain.

Peliknya, jika aib dan buruk sendiri dilondeh orang, mata mereka pasti terjegal dan ancaman saman terpacul keluar. Sikap ini bercanggah dengan definisi cinta yang diajar Nabi SAW

dalam sabda yang bermaksud: *Tidak sempurna iman kamu sehinggalah kamu suka sesuatu kepada saudara kamu sama seperti apa yang kamu suka untuk diri kamu sendiri.* (Sahih al-Bukhari, 12 & Sahih Muslim, 64)

Bencana akhlak media sosial adalah sesuatu yang nyata. Berapa banyak yang disaman kerana celupar tanpa fikir.

Berapa banyak mengumpul dosa piramid ekoran silap berkongsi. Berapa banyak rumah tangga runtuh kerana khalwat dan mabuk cinta tanpa perlu duduk berdua secara fizikal. Berapa banyak pintu awal zina dibuka akibat hubungan gelap atas talian yang melanjatkan maruah.

Pendek kata, saban hari umat Islam semakin sempit dihenyak ke ruang sempit kehidupan tanpa batas halal haram. Ini sebabnya penulis mendesak kita semua melakukan hijrah minda dalam talian.

Jangan pula dibuang segala peranti dan platform media sosial ke laut dalam kerana saranan hijrah ini. Sikap sebegitu tidak melambangkan kebijaksanaan pengurusan diri umat Islam.

Jangan dungu membuang langsung si pisau kerana ia pernah menoreh jari. Sebaliknya gunakan pisau dengan hati-hati lagi berhemah kerana fungsinya masih banyak. Begitu juga dengan media sosial.

Berapa banyak ilmu baharu diperolehi melalui media sosial saban hari. Berapa ramai sahabat dan saudara yang hilang khabar berita dihubungkan semula dengan bantuan media sosial. Berapa banyak orang yang dizalimi atau dinafikan haknya dibela kerana perkongsian dalam media sosial.

Untuk itu, berikut beberapa saranan penulis untuk sama-sama kita praktikkan sebagai usaha hijrah minda dan jiwa dalam media sosial:

■ Dalami agama. Logik akal tanpa bimbingan agama tidak semestinya benar. Sesuatu perkongsian yang membawa manfaat duniawi tidak semestinya bermanfaat untuk kebahagiaan akhirat.

Dalam kekeliruan ini, panduan agama diperlukan.

■ Selidik sebarang berita dalam talian sebelum sebar. Silap tidak laju jari berkongsi atau menyebarkan berita jauh lebih selamat

untuk dunia dan akhirat kita berbanding silap menyebarkan yang palsu. Praktik arahan Allah untuk semak sebelum sebar. (al-Hujurat: 6)

■ Tingkatkan sensitiviti terhadap aib orang. Jangan galak menyebarkan walaupun ia benar. Ingat pesan nabi yang bermaksud: *Sesiapa yang menutup aib saudara muslimnya, Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat. Sesiapa yang mendedahkan aib saudara muslimnya, Allah akan mendedahkan aibnya sehingga dia akan terhina di rumahnya sendiri.* (Sunan Ibn Majah, 2536)

■ Praktik sabar dan diam dalam bicara jari jemari. Dosa jari yang lancang dan celupar sangat tidak berbaloi ditanggung kesan buruknya di akhirat kelak.

■ Kawal kegilaan ingin masyhur. Pepatah Arab mengatakan “kemasyhuran adalah racun pembunuh.” Ada yang sanggup melakukan apa sahaja demi mendapat *like* yang tinggi dalam media sosial atau menjadi pengengaruh.

Jika kemasyhuran itu bagus dicari atau diusahakan, Nabi tidak akan berpesan bermaksud: *Sesungguhnya Allah suka hamba yang bertakwa, yang kaya (jiwa) lagi suka menyembunyikan diri (tidak suka menonjolkan diri menarik perhatian orang, tidak suka mengejar jawatan, tidak suka menunjuk kekayaan).* (Sahih Muslim, 5266).

Percayalah! Jika kita melakukan hijrah minda dalam media sosial demi menjaga iman dan takwa agar tidak tergedai atau terjajah dek nafsu syaitan, kebahagiaan hidup di bumi Allah ‘yang nyata’ ini tetap akan dijamin. Walaupun kita tidak masyhur dipuja secara maya, hidup kita tetap bahagia.

Bumi yang kita pijak tetap luas untuk didiami. Jadikan ayat Allah ini sebagai motivasi hijrah minda: *Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah nescaya dia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur.* (al-Nisa’: 100)

ABDULLAH Bukhari Abdul Rahim al-Hafiz, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Pusat Bahasa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

